



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 7 FEBRUARI 2024 (RABU)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBPJ MPAJ MPS DBKL	- NEW IDENTITY PLAN FOR SECTION 52 PETALING JAYA - HULU KELANG SANDBOX FOR S'GOR SMART CITY SOLUTIONS - LOCAL PLAN FEEDBACK - DBKL UPDATES
2.	KOSMO	MPAJ	CELCOMDIGI, MPAJ UBAH DUN HULE KELANG JADI BANDAR PINTAR
3.	BERITA HARIAN	MBDK	50 PERATUS AHLI MAJLIS DI KLANG DISASAR MILIKI MINIMUM DIPLOMA
4.	THE SUN	MPAJ	SELANGOR WANTS TO SPEED UP DIGITAL TRANSFORMATION

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	PENJAWAT AWAM DAPAT INSENTIF AWAL RM2,000
2.	KOSMO	- INSENTIF RM2,000 PENJAWAT AWAM DIBAYAR PADA 23 FEBRUARI - KERAJAAN TAMBAH PERUNTUKAN BAGI SETIAP SKIM, BANTUAN TUNAI BELA NASIB SEMUA RAKYAT – PM - APABILA SEDUT RASA SEGAR, HIDUNG PUN TAK SAKIT
3.	HARIAN METRO	- INSENTIF AWAL KAJIAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAYARAN RM2,000 MASUK 23 FEBRUARI - RAKYAT TERIMA INSENTIF, MANFAAT
4.	BERITA HARIAN	- INSENTIF RM2,000 PENJAWAT AWAM DISALUR 23 FEBRUARI - PELABURAN BERSASAR TANGANI ISU BANJIR, CAPAI MATLAMAT SDG - RINGGIT JATUH BERSAMA MATA WANG SERANTAU LAIN BULAN LALU
5.	UTUSAN MALAYSIA	- FEDA KAJI BANGUN LEBIH BANYAK EKONOMI KITARAN PERKUKUH AGENSI - FAKTOR LUARAN DORONG PENYUSUTAN RINGGIT - KAJIAN SSPA DIPERCEPAT – ANWAR - CUACA KERING, PANAS 35 DARJAH CELSIUS DI NEGERI UTARA - ENERGY STICK DIHARAMKAN DI SEKOLAH - FADHLINA
6.	THE SUN	- PROGRESSIVE WAGE SYSTEM PILOT PROJECT IN JUNE - EARLY INCENTIVE PAYMENT FOR CIVIL SERVANTS ON FEB 23
7.	NEW STRAITS TIMES	- UNFAIR TO USE 'COLOMBIA' TAG ON KLANG - PM: CIVIL SERVANTS TO GET RM2,000 PAYOUT

New identity plan for Section 52 Petaling Jaya

Mayor: Commercial area to be on par with other metropolises

By JADE CHAN
jade@thestar.com.my

PETALING Jaya City Council (MBPJ) is planning to turn the Section 52 commercial centre into a "city centre with character".

Petaling Jaya deputy mayor Aznan Hassan said implementation was scheduled to start next year.

"We are now at the evaluation stage and will call for proposals this year," he said, adding that only the commercial part, also known as PJ New Town or PJ State, would be involved.

"The idea is to carry out the transformation next year, subject to consent for its plans and implementation."

Aznan was speaking after the swearing-in ceremony of new Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samingon at Menara MBPJ in Jalan Yong Shook Lin.

In his speech, Mohamad Zahri said the transformation of the Section 52 commercial centre to a city centre with character and owning an identity would make it on par with other metropolitan areas.


"This will be done by encouraging redevelopment of land lots where the present value is lower than the potential value and promoting connectivity to the existing rail network."

When asked for details on the project, Mohamad Zahri said there would be a separate briefing on the timeline and plans at a later date.

He planned to hold engagement sessions with the city councillors to better understand matters relating to MBPJ.

"If needed, I will then go to the

The transformation of Section 52, where Menara MBPJ is located, is set to be implemented next year, subject to approval. — Filepic



Mohamad Zahri is Petaling Jaya's seventh mayor for a two-year term.

ground with councillors and residents to understand the situation at hand.

"For example, if the problem is flash floods, we will need to find

out the source, whether it is rubbish or the drainage system."

Mohamad Zahri, 54, whose appointment was effective Feb 1, will serve as Petaling Jaya's seventh mayor.

He received the letter of appointment from Selangor State Secretary Datuk Haris Kasim last week.

Mohamad Zahri succeeds Mohamad Azhan Md Amir, who is now serving as Higher Education Ministry deputy secretary-general (management and development).

The latter's two-year stint as Petaling Jaya mayor ended on Oct 20 last year.

Present to witness the ceremony were MBPJ department heads and councillors.

Attendees were informed that

Mohamad Zahri's appointment would be for two years, until Jan 2026.

"My new role at MBPJ marks my 12th posting in 26 years of being in the civil service," said Mohamad Zahri, who holds a degree in Public Administration from Universiti Utara Malaysia.

"I will work on ensuring MBPJ provides quality service and technological improvements as well as having an administration with integrity."

His previous stint was as Selangor Deputy Secretary (management).

He added that he adheres to the philosophy of "Dimana bumi dipijak, di situ langit dijunjung" (When in Rome, do as the Romans do), which means to observe local rules and customs.

THE STAR

Tarikh: 07 FEB 2024

Hulu Kelang sandbox for S'gor smart city solutions

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my (MPAJ)

HULU Kelang district will be the testing ground for Selangor's smart city solutions.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) signed a memorandum of Understanding (MOU) with CelcomDigi Bhd for both parties to explore and implement potential 5G technology solutions delivered on a solid fibre optics infrastructure.

The initiative aimed to build a smart city ecosystem that would elevate the livelihood of residents and accelerate the growth of businesses in Hulu Kelang.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the district was the sandbox for smart solutions.

It would see the installation of smart traffic lights and poles equipped with lights and closed-circuit television cameras, among others.

"The district has a mix of residential and commercial areas



Amirudin (second from right), flanked by Mohamad Idham and Ani witnessing the MOU signing ceremony at MPAJ Convention Centre.

that will greatly benefit from the 5G network. Schools will also benefit from it.

"There has been a lot of talk on the Internet of Things and Big Data Analysis.

"In simple terms, it means that we have to move towards smart living, which means adoption of smart solutions in our daily lives," he said after witnessing the signing ceremony at the

MPAJ Convention Centre in Taman Melawati, Selangor.

Amirudin said the state would continue discussing with CelcomDigi and other telecommunications providers on efforts to expedite its smart city goals.

CelcomDigi chief executive officer Datuk Mohamad Idham Nawawi said the company was working closely with MPAJ to assess and identify the best smart city solutions to transform Hulu Kelang into an integrated digital district.

"We aim to leverage local and global technology partnerships to develop this ecosystem, which hopefully can serve as a model for other municipalities," he said.

The MOU, marking the 10-year collaboration, is in support of MPAJ's "Smart City Framework", to transform Ampang Jaya into a smart city with a focus on smart infrastructure, economy, community, environment and governance.

Also present was MPAJ president Dr Ani Ahmad.

THE STAR

07 FEB 2024

Tarikh:.....

LOCAL PLAN FEEDBACK ✓

Selayang Municipal Council (MPS)
is inviting public views on MPS
Draft Local Plan 2030 until Feb 8.
Interested parties may do so
between 9am and 4pm at Lobby of
MPS Tower as well as PLANMalaysia
Selangor Office, Darul Ehsan
Building, Shah Alam. For details,
call 03-6126 7836/5872/5874/5863
(Urban Planning Department).

THE STAR

Tarikh: 07 FEB 2024

DBKL UPDATES ✓

> Submit your ideas for Kuala Lumpur City Hall's (DBKL) 2024 budget on enforcement, public facilities, maintenance, cleanliness, management of hawker stalls, public parks, infrastructure and other essential community needs. For details, visit <https://shorturl.at/fuFLN> or DBKL's website at <https://www.dbkl.gov.my/belanjawan>

> DBKL will hold a lucky draw to reward prompt assessment tax settlement. Taxpayers interested in participating must update their email and phone numbers and settle their payment for the year by Feb 29, without any arrears, to be in the running to win prizes.

THE STAR

07 FEB 2024

Penjawat awam dapat insentif awal RM2,000

Dibayar pada 23 Februari bagi ringankan beban persediaan sekolah serta menjelang Ramadan dan Syawal

Oleh DIANA AZIS
PUTRAJAYA

Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) kepada semua penjawat awam termasuk

pesara akan disalurkan secara sekali gus pada 23 Februari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, bayaran berkenaan bagi meringankan beban persediaan persekolahan serta persiapan menjelang Ramadan dan Syawal.

"Bayaran Insentif Awal RM2,000 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak dan RM1,000 kepada semua jawatan utama sektor awam.

"Bayaran RM1,000 turut dipanjangkan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen dan veteran tidak berpencen," katanya ketika berucap sempena Majlis Perhimpunan Warga Kementerian Kewangan di sini pada Selasa.

Turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan;



Anwar (tengah) bergambar kenangan sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya pada Selasa.



Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Metican.

Dalam pada itu Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan, kerajaan tidak hanya membela nasib penjawat awam sebaliknya setiap peringkat dalam masyarakat turut menjadi fokus utama.

Beliau berkata, ia dibuktikan apabila kerajaan menambah peruntukan untuk setiap skim dan bantuan tunai kepada rakyat secara keseluruhannya.

"Kadang kala kita salah faham bila bincang umpamanya ada penambahan (insentif) dalam satu-satu sektor.

"Itu tidak benar sebaliknya kerajaan tumpu setiap sektor termasuk pekebun kecil, orang kurang upaya (OKU), nelayan dan sebagainya.

"Kita tahu orang bising tentang in-

sentif pengeluaran getah, malah kita naikkan kadarnya dari RM2.70 pada 2023 kepada RM3 tahun ini membabitkan peruntukan sebanyak RM400 juta, khusus untuk tambahan," ujarnya.

Sementara itu Anwar memaklumkan, dasar domestik sangat kritikal dalam usaha kerajaan membangunkan kedudukan negara bagi menjamin pengurusan ekonomi yang lebih baik dan pada masa yang sama mengelakkan ketirisan.

Beliau berkata adalah penting untuk kerajaan terutama sekali Kementerian Kewangan menumpukan sepenuh perhatian kepada tata kelola serta pengurusan ekonomi yang baik bagi mengelakkan ketirisan dan mempercepat proses kelulusan pembangunan.

"Untuk keluarga Kementerian Kewangan, kita tidak boleh lari daripada fokus yang sedemikian," ujarnya.

Laporan akhir kajian SSPA siap dalam dua bulan

PUTRAJAYA - Laporan akhir kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) dijangka siap dalam tempoh dua bulan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tempoh berkenaan lebih cepat berbanding jangkaan awal sebelum ia dibentangkan ke Jemaah Menteri untuk diluluskan.

Menurutnya, perkara itu berdasarkan persetujuan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz untuk mempercepatkan proses berkenaan.

"Alhamdulillah (laporan) lebih cepat daripada apa saya jangkaan keputusannya, tetapi ia diimbangi dengan keupayaan (ekonomi) kita.

"Sebab itu saya mulakan (kajian) kerana tidak mahu dikatakan ia sengaja dilengah-lengahkan kerana sudah 12 tahun menunggu, dengan *committee* (jawatankuasa) lagi, ada jawatankuasa koordinasi (seterusnya) ada koordinasi super, kemudian jawatankuasa Kabinet, kemudian jawatankuasa dipengerusikan Perdana Menteri.

"Ada 15 jawatankuasa, baru nak putuskan (keputusan), tidak. Kita ambil *fast track* dan kalau tidak selesai juga, tukar Perdana Menteri," katanya berseloroh.

Dalam pembentangan Belanjawan 2024 pada Oktober tahun lalu, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pelaksanaan penuh SSPA bermula 2025 dengan kajiannya memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam.

SINAR HARIAN

07 FEB 2024

Tarikh:

CelcomDigi, MPAJ ubah DUN Hulu Kelang jadi bandar pintar

PETALING JAYA - Kerjasama antara CelcomDigi Berhad dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk tempoh 10 tahun bakal merealisasikan usaha untuk melaksanakan transformasi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang kepada sebuah bandar pintar.

Menerusi kerjasama tersebut, kedua-dua pihak akan bekerjasama meneroka dan melaksanakan penyelesaian teknologi 5G dan infrastruktur gehtian yang mantap, bagi membina satu ekosistem bandar pintar yang akan mempertingkatkan kualiti hidup penduduk dan pertumbuhan perniagaan di Hulu Kelang.

Ketua Pegawai Eksekutif CelcomDigi, Datuk Idham Nawawi berkata, usaha sama ini adalah pakatan strategik dengan visi bersama untuk membina infrastruktur bandar pintar dan model ekosistem.

Menurut beliau, CelcomDigi dan MPAJ akan bekerjasama untuk menilai dan mengenal pasti penyelesaian bandar pintar yang terbaik dan mampu mengubah DUN Hulu Kelang menjadi suatu daerah digital bersepadu,



IDHAM (dua dari kanan) pada majlis pemeteraian MOU antara Celcomdigi dengan MPAJ di Kuala Lumpur semalam.

lengkap dengan persekitaran moden dan mampan yang boleh mempromosikan pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kebajikan penduduknya.

"Diharapkan, ia boleh menjadi model contoh yang membawa manfaat kepada rakan kongsi lain seperti majlis perbandaran, dengan rangkaian penyelesaian bandar pintar yang boleh di guna pakai di lebih banyak bandar di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian

dalam kenyataan bersempena majlis pemeteraian MoU antara CelcomDigi dengan MPAJ di sini semalam.

Sebagai sebahagian daripada kerjasama ini, CelcomDigi akan menerajui sandbox yang menghimpunkan semua pihak seperti inovator, usahawan, pembekal teknologi dan pengeluar peranti untuk menguji produk dan perkhidmatan mereka dalam persekitaran inisiatif bandar pintar Hulu Kelang.

KOSMO

07 FEB 2024

Tarikh:

Insentif RM2,000 penjawat awam dibayar pada 23 Februari

PUTRAJAYA – Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) akan disalurkan kepada penjawat awam pada 23 Februari ini.

Berita baik itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena majlis perhimpunan warga Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Anwar berkata, ia akan membabitkan bayaran insentif sebanyak RM2,000 kepada semua penjawat awam gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak.

"Turut disalurkan sebanyak RM1,000 kepada semua jawatan utama sektor awam melibatkan polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota beruniform."

"Bayaran insentif RM1,000 turut disalurkan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen serta veteran tidak berpencen," katanya.

Insentif itu diumumkan Perdana Menteri pada pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober tahun lalu.

Sementara itu, Anwar berkata, kajian pelaksanaan SSPA akan dimuktamadkan dalam tempoh dua bulan ini sebelum di bawa ke mesyuarat Jemaah Menteri untuk diluluskan.



PENJAWAT awam bakal menerima insentif RM2,000 pada 23 Februari ini. – GAMBAR HIASAN

Menurutnya, mesyuarat pelaksanaan pelarasan gaji itu sudah dimulakan malah, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bersetuju mempercepatkan kajian itu.

"Alhamdulillah, proses itu lebih cepat dari saya jangka dan ia akan diimbangi dengan keupayaan kita."

"Saya tidak mengatakan (proses) ini sengaja dilengahkan. Sudahlah kita me-

nunggu selama 12 tahun selepas itu kena masuk mesyuarat jawatankuasa lagi.

"Tidak (untuk kali ini), kita akan ambil *fast track* (kelulusan segera). Saya tak buat lagi dah. Perdana Menteri akan memperkerusikan dan kita muktamadkan," katanya.

Kerajaan kini sedang menyemak semula skim gaji dan elaun tetap penjawat awam selepas ia kali terakhir dilaksanakan pada tahun 2012.

KOSMO

07 FEB 2024

Tarikh:

Kerajaan tambah peruntukan bagi setiap skim, bantuan tunai

Bela nasib semua rakyat – PM

KOSMO 7/2

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Kerajaan tidak hanya membela nasib penjawat awam, sebaliknya setiap peringkat dalam masyarakat di seluruh negara turut menjadi fokus utama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ini terbukti apabila kerajaan menambatkan peruntukan bagi setiap skim dan bantuan tunai kepada rakyat secara keseluruhan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, adalah tidak benar mengaitkan kerajaan hanya tumpu kebajikan penjawat awam.

"Itu tidak benar, sebaliknya kerajaan tumpu setiap sektor termasuk daripada pekebun kecil, orang kelainan upaya (OKU), nelayan dan sebagainya.

"Kita tahu orang bising tentang insentif pengeluaran getah malah, kita naikan kadarnya dari RM270 pada 2023 kepada RM3 tahun ini membabitkan pe-



ANWAR (tengah) beramah mesra dengan kakitangan Kementerian Kewangan pada Majlis Perhimpunan warga kementerian itu di Putrajaya semalam. – FAIZ ALIF ZUBIR

runtukan RM400 juta.

"Malah, kadar skim subsidi

pada juga dinaikkan dari RM360

pada 2022 kepada RM500 pada

tahun 2023, selain harga lantai
belian pada pula dinaikkan ke-

pada RM1,300 pada 2023 berbanding RM1,200 pada 2022," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan warga Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Katanya, peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) kepada sembilan juta penerima juga meningkat kepada RM10 bilion tahun ini berbanding RM9 bilion tahun lalu.

Anwar berkata, ketika ini, kadar maksimum STR bagi setiap isi rumah juga ditingkatkan kepada RM3,700 berbanding RM3,100 tahun lalu.

Bagi Sumbangan Asas Rahmah (Sara) pula katanya, jumlah penerimanya kini mencecah 700,000 berbanding 210,000 penerima tahun lalu.

"Jumlah peruntukan pula bertambah dari RM210 juta tahun lalu kepada RM700 juta tahun ini," katanya.

Katanya, peningkatan insentif dan kadar bantuan tunai itu membuktikan kerajaan prihatin terhadap segenap rakyat.

KOSMO

Tarikh: 07 FEB 2024

Apabila sedut rasa segar, hidung pun tak sakit – Pelajar

KOSMO 7/2

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL dan AZMI NORDIN

PETALING JAYA – Produk *energy stick* semakin popular dalam kalangan pelajar sekolah kerana dapat memberikan kesegaran dan membantu melegakan sesesema, resdung, hidung tersumbat dan mengantuk.

Perkara itu didedahkan sendiri pelajar tingkatan dua yang mahu dikenali sebagai Noh yang mengakui dia mula ketagih menggunakan alat penyedut hidung tersebut kerana melancarkan sistem penafasannya.

"Hidung saya mudah tersumbat jadi rasa tidak selesa. Sehari saya akan sedut (*energy stick*) tiga hingga empat kali."

"Saya tahu tentang produk ini bulan lalu. Bila melihat maklum balas di media sosial, ramai yang cakap ia bagus untuk merawat masalah seperti saya, jadi saya membelinya pada 10



ADA pelajar menggunakan alat penyedut hidung untuk tujuan kesegaran bagi menghilangkan rasa mengantuk dalam kelas. – GAMBAR HIASAN

Januari lalu secara dalam talian.

"Apabila digunakan ia membantu mengurangkan masalah hidung tersumbat, rasa segar, lagipun ada banyak pilihan perisa buah-buahan jadi hidung tidak rasa sakit apabila disedut," ka-

tanya kepada *Kosmo!* semalam.

Noh berkata, dia langsung tidak mengetahui risiko penggunaan alat penyedut itu.

"Saya ada baca mengenai ini di Facebook. Ada yang beritahu kesannya sama seperti isap vape.

Saya pun tak pasti sebab tidak pernah hisap rokok elektronik."

"Bila buat carian di Google, belum jumpa hasil kajian tentang kesan *energy stick*. Setakat ini belum ada kesan sampingan lagi," ujarnya.

Bagi pelajar lain, Muhammad Ajmal, 18, dia mengetahui tentang *energy stick* melalui rakan dan mula menggunakannya sejak tiga bulan lalu bagi menghilangkan mengantuk ketika mengulang kaji pelajaran.

"Tahun ini saya menduduki peperiksaan penting, jadi saya terpaksa berjaga lewat malam untuk mengulang kaji. Bila mengantuk dalam kelas, kawan syorkan guna *energy stick*. Terasa berangin dan segar bila guna. Setakat ini okey sahaja," katanya.

Dalam pada itu, seorang bapa, Azrul, 33, berkata, dia terkejut apabila anaknya yang berusia tujuh tahun menunjukkan gambar *energy stick* di telefon bimbit.

"Dia berminat untuk membeli kerana saiz dan bentuk yang comel. Saya lihat ia mampu menarik minat kanak-kanak kerana berwarna-warni selain pelekak kartun yang digunakan sebagai tarikan untuk melariskan jualan."

"Saya bimbang jika tidak dibendung ia digunakan oleh kanak-kanak, lagipun kita tidak tahu kandungannya," katanya.

Dalam pada itu, seorang ibu mendakwa terdapat penjual *energy stick* yang sudah mula beranai mengedarkan *flyers* di luar kawasan sekolah.

Noraini Omar, 51, berkata, anaknya berusia sembilan tahun membawa pulang sekeping *flyers* yang mempromosikan alat penyedut hidung dengan empat pilihan perisa.

"Anak saya meminta untuk membelikan alat tersebut kerana tertarik dengan perisa selain gambar kartun comel pada bungkusannya," katanya.

KOSMO

Tarikh: 07 FEB 2024



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim beramah mesra bersama kakitangan kementerian selepas berucap di perhimpunan bulanan bersama warga Kementerian Kewangan di Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

INSENTIF AWAL KAJIAN SISTEM SARAN PERKHIDMATAN AWAM

Bayaran RM2,000 masuk 23 Februari

Oleh Mohd Iskandar
Ibrahim
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Bayaran insentif awal Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam sebanyak RM2,000 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak akan disalurkan pada 23 Februari ini.

Pengumuman itu dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika menyampaikan amanat pada majlis perhimpunan bulanan bersama warga Kementerian Kewangan di sini, semalam.



PERDANA Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan, semalam. Turut hadir Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (dua, kiri), Timbalan Menteri Kewangan Lim Hui Ying (dua, kanan) dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Johan Mahmood Merican (kiri).

"Turut disalurkan sebanyak RM1,000 kepada semua jawatan utama sektor awam membabitkan polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota beruniform."

"Bayaran insentif RM1,000 turut disalurkan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen serta veteran tidak berpencen," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata Bayaran Insentif Awal itu disalurkan sementara menunggu Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) dimukamadkan.

HARIAN METRO

Tarikh: 07 FEB. 2024

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Reformasi yang dilaksanakan dalam mengurangkan ketirisan dan meningkatkan tadbir urus membolehkan kerajaan memperkasakan bantuan kepada rakyat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, usaha itu dapat dilihat dengan peningkatan mendadak pelbagai bantuan kepada rakyat antaranya seperti insentif kepada pekebun getah, pesawah padi, Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

"Seperti saya umumkan peningkatan mendadak dari segi sumbangan kepada rakyat dan ini hanya dilakukan kerana kejayaan keseluruhan kerajaan untuk mengurangkan kos yang dianggap tiris dan membazir.

"Ini juga termasuk kejayaan melaksanakan beberapa program seperti penyasaran subsidi elektrik serta pengapungan harga ayam dan ini semua membantu untuk kita mendapatkan hasil yang lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada majlis perhimpunan bulanan bersama warga Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir



BANTUAN Awal Persekolahan (BAP) diperluas dari darjah 1 hingga tingkatan 5 dan mula diagihkan pada Januari lalu.

PENGURANGAN KETIRISAN, TINGKATKAN TADBIR URUS

RAKYAT TERIMA INSENTIF, MANFAAT

Hamzah Azizan dan Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying.

Anwar berkata, antara peningkatan yang dapat dilihat ialah kenaikan kadar skim subsidi harga padi se-

banyak RM500 pada 2023 berbanding RM360 tahun sebelumnya, manakala harga lantai belian padi ditambah sebanyak RM100 menjadi RM1,300 berbanding RM1,200 pada 2022.

Katanya, peruntukan bantuan tunai menerusi STR turut meningkat kepada RM10 bilion tahun ini berbanding RM8 bilion pada tahun lalu yang memanfaatkan sembilan juta

penerima.

"Selain itu, Bantuan Awal Persekolahan (BAP) diperluas dari Darjah 1 hingga Tingkatan 5 dan mula diagihkan pada Januari lalu sebagai bantuan persedi-

aan persekolahan anak-anak.

"Kalau dahulu, murid daripada keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah (menerima BAP). Ramai penjawat awam protes dan buat rayuan. Oleh kerana rayuan itu, kita beri peluang kepada semua murid.

"Cuma kita harap kadang-kadang kalau orang itu betul-betul kaya, sepatutnya dia ambil RM150 dan beri kepada orang lain," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri mengingatkan bahawa dasar domestik sangat kritikal dalam usaha kerajaan membangunkan kedudukan negara bagi menjamin pengurusan ekonomi yang lebih baik.

Jelasnya, dasar terbabit juga penting dalam mengelakkan berlakunya ketirisan sehingga merugikan negara.

"Dasar domestik itu sangat kritikal dalam membangunkan negara, bukan soal luar jadi untuk keluarga Kementerian Kewangan, kita tak boleh lari dari fokus sedemikian, iaitu menumpukan perhatian sepenuhnya. Kita tahu masalah kita hadapi, tapi tugas kita ialah fokus mengenai pengurusan ekonomi baik yang mengelak ketirisan dan mempercepat proses kelulusan," katanya.

Menurutnya, dasar domestik itu turut menjadi keperluan dalam memberikan keyakinan baharu dan mengiktiraf kebajikan rakyat.

HARIAN METRO
Tarikh:07 FEB 2024

50 peratus ahli majlis di Klang disasar miliki minimum diploma

BH 7/2 (MBDK)

Langkah mula dilaksanakan di MBDK seperti dititahkan Sultan Selangor

Oleh Mahaizura Abd Malik
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan Selangor meletakkan sasaran awal 50 peratus ahli majlis di Klang sekurang-kurangnya memiliki kelulusan diploma dan ke atas.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebagai permulaan sasaran itu diletakkan untuk Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) seperti titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya 50 peratus ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dianggotai profesional.

"Sudah tentu kita mulakan

di Klang sebab itu kita pastikan yang ada di Klang itu sekurang-kurangnya ada diploma, ijazah dan ke atas, selain pernah terabit bidang profesional berkaitan.

"Macam saya tahu di Ampang (majlis perbandaran) ada yang dalam kalangan profesional seperti jurutera dan bidang berkaitan.

"Jadi kami akan cuba bekerja keras untuk memenuhi harapan Tuanku (Sultan Sharafuddin) itu... tetapi pada masa sama, kita juga menetapkan sekarang ini supaya sebahagian besar atau cuba mencapai pada peringkat awal 50 peratus daripada representasi graduan (ahli majlis) sekurang-kurangnya ada diploma dan ke atas," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara CelcomDigi Berhad (CelcomDigi) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di Pusat Konvensyen MPAJ di Taman Me-

lawati di sini, semalam.

Usaha warta Kampung Baru Cina
Mengenai usaha mewartakan Kampung Baru Cina di Selangor sebagai Tapak Warisan Dunia, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (UNESCO), Amirudin berkata ia tidak perlu

dijadikan isu perkauman.

Beliau berkata, cadangan dibuat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming itu masih di peringkat awal dan tidak 'sihat' untuk dimainkan sebagai isu kerana ia tidak memberi sebarang manfaat kepada masyarakat dalam negara berbilang kaum.

lang kaum.

"Kita akan tengok, tidaklah semua (kampung) akan diwartakan, jika ada kampung yang berusia ratusan tahun, sudah pasti kita akan mewartakannya seperti kita mewartakan Gombak-Hulu Langat Geopark.

"Sebahagian kawasannya membabitkan kampung Melayu termasuk Kampung Kundang, Kampung Kuang, Selayang, Batu Caves dan Kampung Kemensah.

"Ia diwartakan di bawah UNESCO termasuk dalam geopark kebangsaan yang kemudian akan menjadi geopark antarabangsa dan seterusnya adalah warisan UNESCO.

"Itu sudah dilakukan lama sebelum ini, tetapi mungkin tidak dilihat sebagai satu perkara yang bermanfaat kerana dalam fikiran mereka ini, apa saja isu yang boleh di 'spin' akan dibuat untuk politik jangka pendek yang tidak membawa manfaat kepada keharmonian dan kestabilan kaum dalam negara kita," katanya.



MBDK diletakkan sebagai sasaran permulaan mempunyai 50 peratus ahli majlis PBT terdiri daripada golongan profesional. (Foto Hiasan)

BERITA HARIAN
07 FEB 2024
Tarikh.....

BH 7/2
Insentif RM2,000 penjawat awam disalur 23 Februari

Putrajaya: Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam RM2,000 kepada semua penjawat awam Gred 56 dan ke bawah, termasuk lantikan kontrak akan disalurkan pada 23 Februari ini.

Pengumuman itu dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika me-

nyampaikan amanat pada majlis perhimpunan bulanan bersama warga Kementerian Kewangan di sini, semalam.

"Turut disalur RM1,000 kepada semua jawatan utama sektor awam babitkan polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota beruniform."

"Bayaran insentif RM1,000 tu-

rut disalurkan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen serta veteran tidak berpencen," katanya.

Anwar berkata, bayaran insentif awal ini dibayar sekali gus bagi meringankan beban persediaan persekolahan anak serta persiapan menjelang Ramadan dan Syawal.



Anwar beramah mesra bersama kakitangan Kementerian selepas berucap menyampaikan amanat pada majlis perhimpunan bulanan bersama warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam. (Foto Fadli Hamzah/BH)

BERITA HARIAN
Tarikh..... 07 FEB 2024.....

Pelaburan bersasar tangani isu banjir, capai matlamat SDG

• Salah satu sasaran Malaysia menjelang 2030 adalah membina daya tahan golongan miskin dan rentan serta mengurangkan kelemahan mereka terhadap pelbagai bencana berkaitan iklim ekstrem, ekonomi, sosial dan alam sekitar

• Dasar kerajaan, insentif untuk pembinaan mampan dan perkongsian dengan NGO, pakar industri dan komuniti tempatan boleh menyumbang kepada merealisasikan visi Malaysia mencapai SDG

Oleh Sharika Tasnim
bhrencana@bh.com.my



Ahli Jawatankuasa di Institut Arkitek Diraja British (RIBA)

Kerajaan dilaporkan memperuntukkan RM15 bilion bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) hingga 2030 sebagai strategi jangka panjang menghadapi perubahan iklim di seluruh negara. Banjir dan kemusnahan harta benda, tanaman dan pertanian tidak boleh dipisahkan.

Justeru, ia menuntut pelaburan yang tinggi terutama membina rumah mampu milik berdaya tahan terhadap banjir bagi meningkatkan tahap keselamatan komuniti serta menggalakkan kemampanan dan daya tahan jangka panjang.

Pelaburan dalam perumahan tahan banjir dapat meningkatkan daya tahan bandar terhadap bencana alam. Usaha ini memerlukan perancangan teliti, reka bentuk kreatif dan dedikasi untuk mewujudkan ruang bandar mampan, inklusif dan makmur.

Berdasarkan temu bual ketahanan terhadap banjir dan mencapai kelestarian, pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor pernah menyatakan mengenai keperluan meningkatkan kesedaran perubahan dan memahami matlamat pembangunan mampan supaya pihak berkepentingan tidak lupa mereka perlu menggabungkan reka bentuk ketahanan banjir bagi mencapai matlamat pembangunan lestari (SDG).

Selain itu, PBT di Putrajaya mengulas perlunya menggalakkan pihak berkepentingan untuk mewujudkan persekitaran tahan banjir dan menyemai kesedaran ini ketika mereka masih berstatus pelajar. Ini boleh dicapai melalui kursus dan bengkel tertumpu kepada isu ini ketika belajar di universiti.

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) juga penting dalam kalangan perunding dan profesional untuk menangani bidang ini. Dengan meningkatkan kesedaran melalui pendidikan dan penyelidikan, pihak berkepentingan dapat memahami lebih baik kepentingan ketahanan banjir untuk mencapai SDG.

Objektif utama Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDGs) adalah untuk membasmi kemiskinan menjelang 2030. Salah satu sasaran Malaysia menjelang 2030 adalah membina daya tahan golongan miskin dan rentan serta mengurangkan kelemahan mereka terhadap pelbagai bencana berkaitan iklim ekstrem, ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Bagi mencapai objektif ini, penting untuk melindungi masyarakat paling lemah, meningkatkan akses kepada perkhidmatan penting dan memberikan bantuan semasa krisis. Perumahan tahan banjir mampu milik adalah amat penting kepada penduduk.

Ia memberi peluang kepada penduduk lemah dan terdedah kepada ancaman untuk mengakses tempat perlindungan selamat, mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup.

Tingkat kesihatan, kesejahteraan penduduk

Bagi meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan manusia, penting untuk mengutamakan penyediaan air selamat, sanitasi dan kebersihan kepada semua individu. Objektif ini asas kepada SDG 6.

Selain itu, usaha ini perlu menggabungkan teknologi cekap air dan sistem pengurusan sisa dalam reka bentuk perumahan mampan bagi meningkatkan pemuliharaan serta kualiti air, terutama di kawasan terdedah kepada banjir.

SDG 7 pula memberi tumpuan kepada tenaga boleh diakses dan bersih untuk kemajuan pertanian, perniagaan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan pengangkutan.

Sebagai langkah memastikan sumber tenaga mampan, penting untuk menggabungkan sistem tenaga boleh diperbaharui seperti panel solar atau turbin angin ke dalam pelan perumahan tahan banjir. Pendekatan ini berkesan untuk mengurangkan pergantungan pada grid kuasa tradisional sering terdedah kepada gangguan ketika banjir.

Dalam SDG 9, ia menuntut penubuhan infrastruktur berdaya tahan, peningkatan inovasi dan galakan perindustrian mampan. Teknik dan

bahan inovatif digunakan untuk membangunkan perumahan tahan banjir berpotensi besar menyumbang kepada kemajuan teknologi dan infrastruktur.

SDG 11 mengiktiraf kesan besar pembandaran terhadap pembangunan mampan. Oleh itu, penting untuk mewujudkan bandar dan penempatan manusia inklusif bagi menangani cabaran pembandaran dan memanfaatkan peluangnya yang luas untuk menggalakkan pembangunan mampan.

Jika diteliti SDG 13, ia memerlukan tindakan diambil untuk menangani isu perubahan iklim dan impaknya. Perubahan iklim pada masa ini memberi kesan kepada setiap negara seluruh dunia. Reka bentuk perumahan tahan banjir boleh merangkumi ciri penyesuaian iklim mengurangkan kesan buruk banjir dan meningkatkan daya tahan iklim.

Ciri penyesuaian iklim termasuk membina unit perumahan dengan kualiti asas dipertingkatkan bagi mengurangkan risiko penyusupan air banjir dan kerosakan struktur. Bahan binaan tahan banjir boleh digabungkan untuk kedua-dua bahagian luar dan dalam unit perumahan bagi meningkatkan daya tahan terhadap kerosakan air dan kesan hakisan banjir.

Salutan dan pengedap kalis air boleh digunakan pada dinding, lantai dan bumbung untuk mewujudkan pelindung menghalang penyusupan air. Sistem pengurusan air ribut cekap juga perlu diwujudkan untuk mengumpul dan mengalih air hujan dari kawasan kediaman.

Pelaksanaan bumbung hijau merangkumi tumbuh-tumbuhan serap air hujan dan berupaya mengurangkan aliran air. Bumbung hijau menawarkan penebat tambahan dan membantu pengawalan suhu dalaman. Unit perumahan harus dibangunkan dengan laluan kecemasan mudah diakses dan selamat ketika bencana banjir.

Tangga dan laluan pejalan kaki bertingkat membolehkan penduduk berpindah ke tempat lebih tinggi, selain membina ruang komuniti bertingkat dalam rumah berfungsi sebagai tempat perlindungan sekiranya berlaku banjir.

Bagi mengurangkan hakisan tanah dan meningkatkan daya tahan banjir, tumbuhan asli dan penyesuaian iklim ke dalam landskap wajar digabungkan. Landskap direka dengan baik boleh membantu menyerap lebih air hujan.

Sementara itu, bagi memastikan bekalan tenaga dan air mampan ketika selepas banjir, penting untuk menyepadukan sumber tenaga boleh diperbaharui, seperti panel solar dan sistem penuaian air hujan.

Merealisasikan SDGs memerlukan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat. Pembinaan rumah tahan banjir dan mampu milik memerlukan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan.

Dasar kerajaan, insentif untuk pembinaan mampan dan perkongsian dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pakar industri dan komuniti tempatan boleh menyumbang kepada merealisasikan visi Malaysia mencapai SDG. Usaha ini boleh menyumbang kepada pelaksanaan berkesan rumah tahan banjir dan mampu milik di Malaysia.



Ringgit jatuh bersama mata wang serantau lain bulan lalu

Penganalisis unjur mata wang tempatan menuju RM4.20 menjelang akhir tahun

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kebanyakan mata wang utama, termasuk ringgit lemah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) pada Januari 2024, kecuali rupee India, kata penganalisis.

MIDF Research berkata, kelemahan dicatatkan kebanyakan mata wang itu adalah berikutan pengukuhan dolar AS.

Ia berkata, ringgit menyusut 2.9 peratus pada Januari 2024 berbanding bulan sebelumnya.

Namun, jelasnya, susut nilai yang dicatatkan mata wang tempatan itu tidak begitu ketara seperti won (3.3 peratus), dolar Australia (-3.6 peratus), baht Thailand (-3.7 peratus) dan yen (-4.0 peratus).

Katanya, prestasi ringgit mengikuti pergerakan dolar secara rapat pada bulan itu, walaupun permintaan domestik yang berdaya tahan, disokong oleh pasaran pekerjaan yang sihat dan inflasi rendah.

"Pergerakan harga komoditi tidak banyak menyokong ringgit, walaupun harga minyak mentah Brent meningkat sebanyak 6.1 peratus dan mengakhiri bulan pada AS\$81.71 satu tong.

"Kami menjangkakan ringgit dan mata wang serantau lain akan mengukuh disokong oleh jangkaan dolar akan lemah dengan Rizab Persekutuan AS (Fed) mula mengurangkan kadar faedah akhir tahun ini," katanya dalam satu nota penyelidikan.

MIDF Research berkata, walaupun prestasi ringgit kurang memberangsangkan pada awal tahun, pihaknya mengunjurkan ringgit meningkat pada 2024, menuju ke arah RM4.20 menjelang akhir tahun.

